

# Pak Lah beri jaminan teruskan Wawasan 2020

UM - 8 SEP 2003

Oleh ZULKIFLI ABDULLAH

SEREMBAN 7 Sept. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan akan meneruskan Wawasan 2020 yang dicetuskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad apabila mengambil alih jawatan Perdana Menteri kelak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini kerana wawasan negara yang meletakkan sasaran Malaysia menjadi sebuah negara maju dalam tempoh 17 tahun lagi merupakan satu pelan perancangan yang begitu baik.

“Saya akan teruskan usaha yang dibuat oleh Perdana Menteri bagi mencapai Wawasan 2020 untuk melihat Malaysia nanti menjadi sebuah negara maju dengan memelihara kepentingan semua kaum,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Pesta Kebudayaan Cina Malaysia Ke-20 di padang Majlis Perbandaran Seremban IMPS) di sini malam ini.

Turut hadir ialah Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, Menteri Besar, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim serta lebih 30,000 orang yang membanjiri padang berkenaan.

Justeru, Abdullah meminta semua rakyat pelbagai kaum terus mengekalkan perpaduan yang terjalin erat sekarang agar wawasan negara itu menjadi kenyataan nanti.

Tegasnya, Malaysia yang mempunyai kekuatan dari segi perpaduan dan rakyat berbilang kaum ini perlu meneruskan kerjasama bagi mewujudkan kestabilan politik serta ekonomi untuk merealisasikan Wawasan 2020.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, se-

tiap rakyat perlu ada niat bersama untuk melihat Malaysia menjadi semakin maju dan terus membangun pada masa depan.

Abdullah seterusnya mengingatkan rakyat bahawa masa depan generasi muda dan negara ini terletak di tangan mereka dan tidak kepada pihak asing.

Beliau yakin jika rakyat terus memberi keyakinan dan sokongan kepada kerajaan yang memerintah hari ini menerusi proses demokrasi, ia memudahkan segala pelaksanaan pembangunan negara.

Sambil merujuk kepada keputusan kerajaan untuk tidak menerima bantuan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) ketika menghadapi krisis mata wang pada tahun 1997, Timbalan Perdana Menteri menegaskan, kerajaan sebenarnya tahu apa yang baik kepada negara dan rakyat.